

## **Bandar sate tenggelam**

Hujan lebat lebih sejam sudah cukup untuk menenggelamkan bandar Kajang selain mengakibatkan operasi puluhan premis perniagaan lumpuh.

Dalam kejadian jam 5 petang semalam, air sungai Jelok di sini, melimpah hingga mengakibatkan banjir kilat mencecah setinggi hampir 0.5 meter.

Banjir itu turut menyebabkan beberapa kedai rosak dan puluhan kenderaan terperangkap.

Peniaga, Hamdan Salimin, 45, berkata, dia sudah bosan dengan banjir kilat yang berlaku saban tahun.

Menurutnya, perniagaannya terjejas, malah dia terpaksa menyelamatkan barangan jualan kerana bimbang mengalami kerosakan.

“Banjir kali ini sama teruk seperti banjir yang berlaku pada 20 Disember 2014,” katanya.